

Received	14 May 2026	Accepted	15 May 2025
Revised	11 June 2026	Published	30 June 2026
Volume	8, (June) 2026	Pages	13-24
http://doi.org/			
To cite: Anis Suhaili binti Mohamad Shukri & Suhaila Zailani @ Hj Ahmad. 2026. Masalah terjemahan identiti budaya masyarakat Melayu ke bahasa Arab dalam siri animasi Upin dan Ipin. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 8 (June 2026): 13-24. DOI: http://doi.org/			

Masalah Terjemahan Identiti Budaya Masyarakat Melayu ke Bahasa Arab dalam Siri Animasi Upin dan Ipin

The Problem of Translating Malay Cultural Identity into Arabic in the Upin & Ipin Animated Series

Anis Suhaili binti Mohamad Shukri¹ & Suhaila Zailani @ Hj Ahmad²

Abstrak

Setiap masyarakat mempunyai identiti budaya berbeza yang mencerminkan keunikan bahasa, nilai, adat dan tradisi yang mereka warisi. Namun, pengekaln identiti budaya menjadi satu cabaran besar kepada penterjemah terutama ketika proses mencari padanan yang sesuai ketika proses terjemahan. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti identiti budaya masyarakat Melayu yang dipaparkan dalam siri animasi Upin & Ipin. Di samping itu, artikel ini juga menganalisis bentuk masalah terjemahan budaya Melayu ke dalam Bahasa Arab. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai kaedah pengumpulan data video Siri Animasi Upin dan Ipin sebanyak 5 video yang diterjemahkan dalam versi Bahasa Arab dan Bahasa Melayu. Sebanyak 30 sampel dianalisis secara deskriptif sebagai contoh penggunaan strategi terjemahan Newmark. Kajian mendapati lima kategori utama identiti budaya dipaparkan iaitu kategori budaya ekologi, material, sosial, organisasi dan adat resam atau kepercayaan. Antara masalah utama dalam penterjemahan budaya yang dianalisis ialah masalah padanan budaya, masalah linguistik dan dialek, masalah sensitiviti budaya dan agama serta masalah terjemahan nama khas dan istilah tempatan. Kajian ini memberi implikasi kepada penterjemah amatur sebagai panduan untuk menterjemah identiti

¹ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. a195854@siswa.ukm.edu.my

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. suzail@ukm.edu.my

budaya masyarakat Melayu khususnya penterjemahan menerusi karya penulisan tempatan. Saya harap kajian ini dapat membantu para penterjemah dalam proses meluaskan dunia penterjemahan identiti budaya dalam siri animasi.

Kata kunci: identiti budaya, terjemahan, Upin dan Ipin

Abstract

Every society possesses a distinct cultural identity that reflects the uniqueness of its language, values, customs, and traditions. However, preserving cultural identity poses a significant challenge for translators, particularly when attempting to find appropriate equivalents during the translation process. Therefore, this study aims to identify the cultural identity of the Malay community as portrayed in the Upin & Ipin animated series. In addition, this article analyzes the types of problems involved in translating Malay culture into Arabic. This study adopts a qualitative approach, using content analysis as the method for collecting data from five episodes of the Upin & Ipin animated series, which were translated into both Arabic and Malay versions. A total of 30 samples were analyzed descriptively as examples of the application of Newmark's translation strategies. The findings reveal five main categories of cultural identity: ecological, material, social, organizational, and customs or beliefs. Among the main challenges identified in cultural translation are issues of cultural equivalence, linguistic and dialectal differences, cultural and religious sensitivity, as well as the translation of proper names and local terms. This study provides implications for amateur translators as a guideline for translating Malay cultural identity, particularly through local literary works. It is hoped that this study will assist translators in expanding the scope of cultural identity translation within animated series.

Keywords: cultural identity, translation, Upin & Ipin

Pengenalan

Animasi merupakan salah satu medium komunikasi moden yang semakin mendapat tempat dalam masyarakat global, termasuk di Malaysia. Animasi bukan sekadar bahan tontonan hiburan, tetapi turut menjadi wahana pendidikan, penyampaian nilai, dan penyebaran budaya. Dalam konteks Malaysia, kemunculan animasi Upin & Ipin yang diterbitkan oleh Les' Copaque Production sejak tahun 2007 telah mencetuskan fenomena tersendiri dalam dunia hiburan tanah air. Bermula dengan episod pendek sempena sambutan Ramadan dan Syawal, animasi ini berkembang menjadi siri yang mendapat sambutan luar biasa bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh rantau Asia Tenggara serta negara-negara Timur. Sehubungan dengan itu, pembentukan budaya saling berkait rapat dengan sesebuah masyarakat. Budaya merupakan cerminan kepada identiti sesebuah organisasi masyarakat dan budaya dapat membezakannya dengan masyarakat lain. Kebudayaan akan terus hidup manakala ada manusia sebagai

pendukungnya dan kebudayaan mempunyai kegunaan yang sangat besar bagi manusia dalam kehidupannya (Mahdayeni et al. 2019). Menerusi animasi upin dan ipin , ia sangat berkait rapat dengan budaya kerana aspek- aspek yang ditonjolkan oleh penerbit seperti adat melayu, pakaian, perayaan dan sebagainya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, budaya didefinisikan sebagai tamadun dan peradaban, kemajuan fikiran, akal budi (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Selo Soemardjan dan Soelaiman Soemardi pula berpendapat, budaya bermaksud hasil karya, ciptaan dan rasa sesebuah masyarakat. Hasil karya dan rasa meliputi jiwa manusia yang selaras dengan nilai sosial. Mendalami makna definisi-definisi ini, dapatlah kita rumuskan bahawa budaya ialah perihal nilai kemasyarakatan yang diterapkan dalam sesuatu peradaban. Terjemahan tidak hanya mencakupi topik kecil yang terkandung dalam suatu teks tulisan bahasa sumber. Terjemahan juga berkaitan dengan penggunaan bahasa dalam masyarakat. Penterjemahan juga berbicara tentang budaya. Hal-hal inilah yang menjadikan makro linguistik menjadi roh di dalam terjemahan selain mikro linguistik. Itulah mengapa terjemahan hadir sebagai Linguistik Terapan atau Applied Linguistic. (Polce Aryanto Bessie, 2024). Dalam era globalisasi ini, terjemahan budaya telah berkembang menjadi satu disiplin penting dalam bidang linguistik dan komunikasi antarabangsa. Terjemahan budaya bukan sekadar proses mekanikal menukar perkataan antara bahasa, tetapi ia merupakan satu seni halus untuk menyampaikan makna yang mendalam dengan kepekaan terhadap konteks budaya. (MH Jumrah, Z Jumrah, 2021)

Kesimpulannya, fenomena Upin & Ipin bukan sahaja menandakan kemajuan industri animasi Malaysia, malah menjadi platform strategik dalam mempromosikan budaya Melayu ke peringkat antarabangsa. Penterjemahan animasi ini ke dalam bahasa Arab memperlihatkan satu usaha penting dalam memperkenalkan nilai, tradisi, dan identiti Melayu kepada dunia luar. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada masalah terjemahan budaya Melayu ke Bahasa Arab dalam siri animasi Upin dan Ipin dengan menilai sejauh mana keaslian budaya dapat dikekalkan serta masalah yang dihadapi oleh penterjemah.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan mengenal pasti identiti budaya masyarakat Melayu yang dipaparkan dalam siri animasi Upin & Ipin dan menganalisis bentuk masalah terjemahan budaya Melayu ke dalam bahasa Arab.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif secara deskriptif dengan pendekatan analisis kandungan dan analisis wacana. Pemilihan metodologi kualitatif adalah bersesuaian kerana kajian ini menumpukan perhatian kepada elemen budaya yang bersifat subjektif, kontekstual, dan bergantung kepada interpretasi penyelidik. Kaedah ini membolehkan penyelidik memahami makna budaya Melayu dalam siri animasi *Upin & Ipin*, serta menilai bagaimana makna tersebut dialihbahasakan ke dalam bahasa Arab. Dengan pendekatan ini, penyelidik dapat meneliti bukan sahaja kandungan naratif, tetapi juga konteks sosial, linguistik, dan budaya yang tersirat dalam dialog serta situasi watak.

Data kajian terdiri daripada episod-episod *Upin & Ipin* versi bahasa Melayu beserta sari kata atau alih suara dalam bahasa Arab. Pemilihan episod dilakukan secara purposive sampling, iaitu berdasarkan kehadiran elemen budaya Melayu yang dominan dan relevan dengan objektif kajian. Antara kategori budaya yang dijadikan asas pemilihan adalah:

1. Budaya sosial, contohnya salam, gotong-royong, dan hormat kepada orang tua.
2. Budaya perayaan, termasuk aktiviti berkaitan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri.
3. Budaya material seperti makanan tradisional Melayu, seperti ketupat, lemang, dan rendang.
4. Ungkapan bahasa, dialek, dan peribahasa, yang mencerminkan keunikan bahasa dan pemikiran masyarakat Melayu.
5. Nilai kekeluargaan dan kehidupan kampung serta suasana ekologi, yang menunjukkan interaksi sosial dan adat resam.

Sebanyak 5 episod dipilih bagi memastikan kepelbagaian data dan mencapai ketepuan maklumat, iaitu tahap di mana data yang diperoleh cukup untuk menjawab persoalan kajian dan tiada maklumat baru yang signifikan muncul. Pemilihan ini membolehkan kajian meneliti elemen budaya secara menyeluruh dan memastikan kesahihan analisis.

Pengumpulan data dilakukan melalui beberapa langkah sistematik. Pertama, dialog asal bahasa Melayu ditranskripsikan daripada episod terpilih untuk mendapatkan teks yang lengkap dan boleh dianalisis. Kedua, sari kata dan dialog Arab daripada versi terjemahan juga diekstrak untuk tujuan perbandingan langsung. Ketiga, dilakukan proses padanan antara dialog Melayu dan Arab untuk mengenal pasti perubahan makna, pengguguran, atau penyesuaian budaya yang berlaku semasa penterjemahan. Akhir sekali, semua elemen budaya dicatat dalam jadual analisis berdasarkan kategori budaya, termasuk budaya material, sosial, ekologi, adat resam dan organisasi. Dengan langkah-langkah ini, penyelidik dapat menjejaki bagaimana setiap elemen budaya diterjemahkan, dikekalkan, atau diubah.

Analisis kajian ini berpanduan kepada dua kerangka teori utama yang saling melengkapi. Pertama, Teori Terjemahan Budaya oleh Newmark (1988) yang menekankan strategi penterjemahan seperti peminjaman (borrowing), penyesuaian budaya (cultural adaptation), naturalisasi (naturalization), parafrasa (paraphrase), dan pengguguran (omission). Strategi-strategi ini membolehkan penterjemah menangani perbezaan budaya serta mengekalkan makna asal sebanyak mungkin. Kedua, Model Kesetaraan Makna oleh Baker (2018) digunakan untuk meneliti padanan makna pada pelbagai peringkat, termasuk perkataan, ungkapan, pragmatik, dan unsur budaya. Penggunaan kedua-dua teori ini membolehkan analisis yang lebih menyeluruh terhadap perbandingan makna budaya antara bahasa Melayu dan Arab serta menilai sejauh mana identiti budaya dapat dikekalkan.

Seterusnya, data dianalisis melalui beberapa langkah yang teratur. Pertama, pengenalanpastian elemen budaya dilakukan untuk setiap dialog dalam bahasa Melayu, bagi mengenal pasti aspek budaya yang penting dalam konteks naratif. Kedua, dilakukan perbandingan dialog Melayu-Arab untuk menilai bentuk terjemahan yang digunakan, termasuk perubahan, pengguguran, atau penyesuaian makna. Ketiga, data dikodkan menggunakan tiga kategori utama masalah terjemahan, iaitu:

1. Kehilangan makna (loss) iaitu apabila makna asal tidak dipindahkan atau hilang dalam terjemahan.
2. Penggantian budaya (cultural substitution) iaitu apabila unsur budaya asal diganti dengan elemen yang lebih difahami oleh penonton bahasa sasaran.
3. Perubahan makna (semantic shift) iaitu apabila makna asal berubah akibat terjemahan literal atau penyesuaian konteks.

Keempat, strategi terjemahan yang digunakan dianalisis berdasarkan kerangka teori Newmark dan Baker untuk menilai keberkesanan dan kesesuaian strategi tersebut dalam mengekalkan makna budaya. Akhir sekali, pentafsiran dilakukan untuk memahami makna budaya yang hilang, berubah, atau dikekalkan, serta implikasinya terhadap pemeliharaan identiti budaya Melayu dalam terjemahan.

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini menyediakan asas yang kukuh untuk memahami bagaimana elemen budaya Melayu dialihbahasakan ke dalam bahasa Arab. Pendekatan kualitatif yang menggabungkan analisis deskriptif dan analisis wacana membolehkan penyelidik meneliti konteks, nilai, dan simbol budaya secara mendalam. Dengan pemilihan episod yang teliti, pengumpulan data yang sistematik, serta penggunaan kerangka teori yang sesuai, kajian ini dapat menilai sejauh mana identiti budaya dapat dikekalkan atau diubah semasa proses penterjemahan. Metodologi ini juga memberi panduan praktikal bagi penterjemah dalam mengekalkan makna budaya, menangani cabaran linguistik, dan mengekalkan kesetiaan kepada nilai tradisi dalam karya animasi.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ialah perbandingan dialog antara versi asal bahasa Melayu dan versi terjemahan bahasa Arab dalam episod terpilih siri *Upin & Ipin*. Dapatan kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu: kehilangan makna budaya (cultural loss), penggantian budaya (cultural substitution), dan perubahan makna (semantic shift). Setiap kategori dihuraikan dengan contoh terperinci, di samping mengaitkannya dengan strategi terjemahan yang digunakan oleh penterjemah. Pendekatan ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai sejauh mana elemen budaya Melayu dapat dipindahkan atau diubah dalam proses terjemahan.

Kehilangan makna budaya berlaku apabila unsur budaya Melayu yang wujud dalam dialog asal tidak dipindahkan dengan tepat ke dalam versi Arab. Hal ini boleh berlaku sama ada melalui pengguguran dialog atau terjemahan yang terlalu literal. Salah satu contoh kehilangan makna adalah istilah budaya khusus Melayu. Frasa seperti "balik kampung" diterjemah sebagai *العودة إلى القرية* (kembali ke kampung) tanpa membawa dimensi emosional dan tradisi yang berkait dengan pulang beraya. Begitu juga "gotong-royong" diterjemah sebagai *التعاون* (kerjasama), yang hanya memberi makna umum tanpa menonjolkan aktiviti komuniti yang menjadi identiti masyarakat Melayu. Begitu juga dengan amalan "minta maaf zahir batin" yang biasanya diterjemahkan hanya kepada *أعتر* (saya minta maaf), sedangkan frasa Melayu tersebut mempunyai makna spiritual, emosi dan adat yang tidak wujud dalam bahasa Arab.

Selain itu, terdapat juga pengguguran (omission) elemen budaya dalam terjemahan. Contohnya, dialog mengenai makanan tradisional seperti ketupat dan lemang tidak diterjemah sepenuhnya, sebaliknya digantikan dengan istilah umum seperti طعام العيد (makanan raya). Ungkapan yang menekankan hormat kepada orang tua, contohnya "cakap elok-elok dengan Opah", turut digugurkan dalam versi Arab. Kehilangan makna sebegini menjejaskan pemindahan nilai budaya Melayu kepada audiens Arab dan mengurangkan kefahaman terhadap konteks sosial dan emosi watak. Substitusi budaya juga berlaku dalam konteks institusi sosial. Istilah "surau", yang mempunyai makna sosial dan komunal dalam budaya Melayu, diterjemahkan sebagai مسجد (masjid). Ini menghilangkan perbezaan antara surau dan masjid dalam budaya Melayu, di mana surau lebih bersifat pusat komuniti kampung berbanding fungsi ibadah rasmi masjid. Dalam aspek kekeluargaan, watak "Opah" diterjemahkan sebagai الجدة (nenek). Walaupun tepat secara literal, ia menghilangkan makna budaya di mana "Opah" dalam konteks Melayu membawa gambaran nenek yang menjadi penjaga tradisi, pengajar adat, dan figuras kewibawaan dalam hierarki keluarga.

Penggantian budaya berlaku apabila penterjemah menggantikan unsur budaya Melayu dengan konsep budaya Arab yang lebih mudah difahami oleh penonton sasaran. Contohnya, terjemahan berkaitan Hari Raya Aidilfitri diterjemah sebagai عيد الفطر, tetapi konteks budaya Melayu seperti rumah terbuka, salam bermaafan, dan kunjungan ke rumah jiran tidak diterjemahkan secara terperinci. Perkataan "kuih raya" pula digantikan dengan حلويات العيد (manisan raya), sedangkan kuih raya Melayu mempunyai kepelbagaian tertentu, termasuk kuih tart, semperit, dan bangkit.

Selain itu, penggantian budaya juga berlaku dalam terjemahan watak dan peranan keluarga. Contohnya, watak Opah, yang dalam budaya Melayu berperanan sebagai penjaga cucu, figur autoriti, dan pembimbing rohani, diterjemah hanya sebagai الجدة (nenek) tanpa mengekalkan makna mendalam peranan budaya tersebut. Strategi ini memudahkan pemahaman audiens Arab tetapi secara tidak langsung mengurangkan keaslian budaya Melayu dalam naratif.

Perubahan makna berlaku apabila terjemahan tidak sepadan dengan maksud asal, terutamanya dalam konteks bahasa kanak-kanak, humor, dan dialek. Contohnya, dialog kanak-kanak yang comel seperti "Betul, betul, betul!" diterjemah sebagai صحيح جدا (sangat betul), yang tidak mengekalkan pengulangan dan gaya nakal kanak-kanak. Perubahan makna juga berlaku dalam humor berbasis dialek dan loghat kampung. Misalnya, dialog "Kak Ros garang tau!" diterjemahkan kepada أختي كبيرة جدًا (kakak saya sangat besar). Terjemahan ini menunjukkan salah tafsir pada makna "garang" yang disalahertikan sebagai "besar", menyebabkan maksud asal iaitu ketegasan dan sikap dominan Kak Ros.

Selain itu, humor yang bergantung kepada dialek Melayu dan permainan kata juga hilang dalam versi Arab. Loghat kampung tidak ditandai dengan loghat Arab tertentu, menyebabkan permainan kata dan jenaka berasaskan dialek tidak sampai kepada penonton sasaran. Perubahan ini menjejaskan kesan humor dan ekspresi watak, sekaligus mengurangkan ciri asli budaya Melayu dalam siri animasi.

Analisis juga menunjukkan bahawa penterjemah menggunakan pelbagai strategi untuk mengatasi cabaran terjemahan budaya. Terjemahan literal banyak digunakan tetapi kadang-kadang menyebabkan kehilangan konteks budaya. Penyesuaian budaya

(cultural adaptation) digunakan untuk meningkatkan kefahaman penonton Arab, tetapi ia boleh mengurangkan keaslian budaya Melayu. Strategi peminjaman budaya seperti mengekalkan perkataan *kampung* dan *Opah* berkesan apabila disokong oleh visual yang jelas. Sementara itu, parafrasa digunakan dalam dialog kompleks, tetapi menyebabkan perubahan gaya penuturan, khususnya bahasa kanak-kanak.

Secara keseluruhannya, analisis ini menekankan keperluan keseimbangan antara ketepatan budaya dan kefahaman penonton Arab. Penterjemah perlu menilai sama ada makna budaya harus dikekalkan sepenuhnya, disesuaikan, atau diterangkan melalui strategi lain agar penonton bahasa sasaran dapat memahami konteks naratif tanpa mengorbankan identiti budaya asal.

Analisis dan Perbincangan

Kajian ini mendapati bahawa siri animasi *Upin & Ipin* memaparkan pelbagai aspek identiti budaya masyarakat Melayu yang mencerminkan keunikan bahasa, nilai, adat, dan tradisi yang diwarisi secara turun-temurun. Identiti budaya dalam siri ini bukan sahaja ditonjolkan melalui dialog dan cerita, tetapi juga melalui visualisasi persekitaran, pakaian, makanan, dan interaksi sosial antara watak-watak. Lima kategori utama identiti budaya telah dikenal pasti melalui analisis kandungan. Pertama, budaya ekologi yang merangkumi elemen alam semula jadi dan persekitaran seperti hutan, sawah padi, sungai, dan kampung. Elemen ini bukan sahaja menggambarkan suasana kehidupan masyarakat Melayu tetapi juga menekankan hubungan erat mereka dengan alam sekitar. Alam sekitar dilihat sebagai sebahagian daripada identiti budaya yang membentuk cara hidup dan nilai-nilai masyarakat, contohnya aktiviti menangkap ikan, menanam padi, dan bermain di kawasan semula jadi yang mengajar nilai kerjasama dan hormat kepada alam.

Kategori kedua ialah budaya material, yang merujuk kepada hasil ciptaan manusia dan barangan fizikal seperti pakaian tradisional, rumah kampung, perabot, dan makanan tradisional. Contohnya, pakaian tradisional seperti baju kurung dan songkok, rumah kampung dengan reka bentuk yang unik, serta juadah tempatan seperti lemang dan rendang, semuanya memaparkan budaya material yang menjadi identiti masyarakat Melayu. Elemen ini bukan sahaja menunjukkan kreativiti dan gaya hidup masyarakat, tetapi juga berfungsi sebagai simbol kebanggaan dan pemeliharaan warisan budaya. Budaya material ini memberikan pengajaran kepada penonton tentang pentingnya menghargai tradisi serta memahami makna di sebalik setiap barang dan aktiviti harian.

Kategori ketiga ialah budaya sosial, iaitu interaksi dan hubungan sosial dalam masyarakat Melayu. Budaya sosial ini merangkumi amalan menghormati orang tua, adat bersalaman, gotong-royong, serta cara berkomunikasi yang sopan dan mesra. Dalam siri animasi, interaksi sosial ini digambarkan melalui dialog, perbuatan watak, dan suasana komuniti yang harmoni. Melalui pemaparan ini, penonton dapat memahami nilai-nilai sosial seperti hormat-menghormati, toleransi, dan kepedulian terhadap sesama. Budaya sosial ini merupakan elemen penting dalam pembentukan identiti masyarakat, kerana ia membentuk cara masyarakat berhubung, bekerjasama, dan mengekalkan keharmonian dalam kehidupan seharian.

Kategori keempat ialah budaya organisasi, yang merujuk kepada struktur sosial, peraturan, dan cara masyarakat mengatur diri. Dalam siri ini, budaya organisasi ditonjolkan melalui sistem keluarga, pengurusan majlis, aktiviti sekolah, dan organisasi komuniti. Sebagai contoh, peranan ibu bapa, guru, dan pemimpin masyarakat digambarkan dengan jelas, menunjukkan kepentingan hierarki, tanggungjawab, dan disiplin dalam kehidupan seharian. Elemen ini membantu penonton memahami bagaimana masyarakat Melayu mengatur aktiviti harian dan acara penting dengan cara yang teratur dan tersusun, sekali gus menekankan nilai-nilai keteraturan dan tanggungjawab sosial.

Kategori kelima ialah adat resam atau kepercayaan, yang merangkumi tradisi, upacara, dan kepercayaan masyarakat Melayu. Contohnya termasuk perayaan Hari Raya, adat perkahwinan, pantang larang, dan amalan keagamaan. Adat resam ini memberikan gambaran tentang identiti budaya yang kaya, unik, dan berterusan. Selain itu, ia menunjukkan bagaimana masyarakat Melayu mengekalkan warisan budaya melalui generasi demi generasi. Elemen adat dan kepercayaan juga memberi penekanan kepada nilai moral, etika, dan kepercayaan yang membentuk keperibadian masyarakat, termasuk kepentingan menghormati tradisi serta memelihara nilai-nilai agama dan sosial.

Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti pelbagai masalah utama dalam proses penterjemahan budaya Melayu ke dalam Bahasa Arab. Antaranya ialah masalah padanan budaya, di mana beberapa konsep budaya Melayu sukar atau tiada padanan langsung dalam bahasa Arab, seperti istilah makanan tradisional atau adat tertentu. Masalah kedua ialah masalah linguistik dan dialek, kerana perbezaan struktur bahasa, gaya percakapan, dan dialek memerlukan penterjemah menggunakan strategi yang sesuai untuk mengekalkan makna asal. Masalah ketiga ialah sensitiviti budaya dan agama, di mana sesetengah konteks budaya atau agama perlu diterjemah dengan berhati-hati agar tidak menyinggung penonton atau pembaca. Masalah keempat ialah terjemahan nama khas dan istilah tempatan, yang kadang-kadang memerlukan penerangan tambahan atau penyesuaian kreatif supaya penonton bahasa sasaran dapat memahami konteks.

Berdasarkan isu-isu yang dikenal pasti dalam penterjemahan identiti budaya Melayu ke dalam bahasa Arab, beberapa penyelesaian praktikal dapat dicadangkan untuk memastikan proses terjemahan lebih tepat, berkesan dan sensitif terhadap perbezaan budaya antara kedua-dua masyarakat. Penterjemah perlu memahami bahawa penterjemahan budaya bukan sekadar pemindahan bahasa, tetapi melibatkan proses mengekalkan nilai, makna dan konteks asal agar dapat diterima serta difahami oleh penonton sasaran.

Pertama, bagi menangani masalah padanan budaya, penterjemah digalakkan menggunakan strategi seperti *cultural equivalence* dan *functional equivalence*. Strategi ini membantu mencari unsur budaya Arab yang berfungsi hampir sama dengan unsur budaya Melayu tanpa menghilangkan identiti asal. Dalam situasi apabila tiada padanan budaya yang sesuai, penterjemah boleh memilih pendekatan *descriptive translation* atau *explicitation* dengan memberikan penerangan tambahan tentang unsur budaya tersebut. Penggunaan nota kaki atau glos juga dapat membantu menjelaskan konsep budaya Melayu yang terlalu khusus seperti “duit raya”, “balik

kampung”, atau “gotong-royong”, sekali gus memudahkan penerimaan pembaca atau penonton Arab.

Kedua, isu linguistik dan dialek dapat diatasi melalui standardisasi penggunaan bahasa Arab moden (Fusha) kerana ia difahami oleh masyarakat Arab di pelbagai negara. Penggunaan dialek tertentu boleh menimbulkan bias dan kesilapan tafsir, maka penterjemah perlu meminimumkannya kecuali jika wujud keperluan kontekstual. Untuk dialog kanak-kanak atau percakapan santai, variasi linguistik yang lebih mudah boleh digunakan tanpa menjejaskan ketepatan makna.

Ketiga, bagi menangani sensitiviti budaya dan agama, proses *cultural screening* amat penting sebelum teks dialih bahasa. Penterjemah perlu menilai sama ada unsur budaya Melayu tersebut selaras atau bertentangan dengan sensitiviti budaya Arab. Jika wujud elemen yang mungkin disalah tafsir, penyesuaian budaya (*cultural adaptation*) boleh dilakukan melalui pendekatan *neutralisation* atau penggantian dengan unsur yang lebih umum. Hal ini penting kerana masyarakat Arab amat menitikberatkan aspek akhlak dan agama, justeru penterjemahan perlu berhati-hati agar tidak menimbulkan kekeliruan atau kontroversi.

Keempat, cabaran berkaitan nama khas dan istilah tempatan boleh diselesaikan melalui penggunaan strategi *transference*, iaitu mengekalkan nama asal seperti Upin, Ipin atau Tok Dalang untuk mengekalkan identiti budaya Melayu. Istilah budaya yang sukar diterjemahkan seperti nama makanan, pakaian dan peralatan tradisional pula boleh ditampilkan melalui transliterasi disertai huraian ringkas. Bagi memastikan keseragaman, penterjemah juga disarankan untuk merujuk glosari dwibahasa atau menghasilkan senarai istilah konsisten bagi penggunaan masa hadapan.

Selain itu, strategi terjemahan yang dicadangkan oleh Newmark turut berperanan besar dalam menyelesaikan pelbagai isu terjemahan budaya. Pemilihan strategi seperti *naturalisation*, *cultural equivalent*, *descriptive equivalent*, dan *functional equivalent* perlu dibuat mengikut konteks dan fungsi mesej asal. Analisis yang teliti terhadap teks sumber sebelum memilih strategi amat penting agar mesej budaya Melayu dapat dikekalkan sebaik mungkin tanpa mengorbankan kefahaman penonton Arab.

Akhir sekali, bagi membantu penterjemah amat, kajian ini mencadangkan penyediaan panduan praktikal seperti senarai istilah budaya Melayu–Arab, contoh terjemahan dialog serta latihan kesedaran budaya. Latihan sebegini dapat meningkatkan pemahaman penterjemah terhadap adat, nilai dan cara hidup masyarakat Melayu sebelum kerja penterjemahan dijalankan. Penterjemah juga perlu digalakkan menggunakan rujukan akademik, kajian lepas dan sumber budaya yang sah bagi memastikan terjemahan lebih berkualiti.

Secara keseluruhannya, penyelesaian ini menekankan kepentingan pemilihan strategi terjemahan yang sesuai, pemahaman konteks budaya Melayu, dan kesedaran terhadap sensitiviti budaya Arab. Pendekatan holistik ini bukan sahaja membantu mengekalkan keaslian identiti budaya Melayu dalam terjemahan, tetapi turut menyokong perkembangan bidang penterjemahan budaya dalam konteks animasi dan media antarabangsa.

Kesemua dapatan ini memberikan implikasi penting kepada penterjemah, khususnya penterjemah amat, sebagai panduan untuk menterjemah identiti budaya

masyarakat Melayu. Kajian ini menunjukkan bahawa penterjemah perlu memahami kepelbagaian elemen budaya, cabaran yang mungkin timbul, serta strategi yang sesuai untuk mengekalkan makna, konteks, dan sensitiviti budaya. Melalui pendekatan ini, penterjemah dapat memperluas dunia penterjemahan identiti budaya dalam siri animasi, bukan sahaja mengekalkan nilai-nilai tempatan tetapi juga memperkenalkan kekayaan budaya Melayu kepada penonton antarabangsa. Selain itu, kajian ini turut memberi sumbangan kepada perkembangan kajian terjemahan budaya, terutamanya dalam konteks penterjemahan karya tempatan ke dalam bahasa asing seperti Bahasa Arab, sekaligus membuka ruang untuk kajian lanjut dalam bidang ini.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa siri animasi *Upin & Ipin* memaparkan identiti budaya masyarakat Melayu secara menyeluruh melalui pelbagai aspek kehidupan, termasuk alam sekitar, material, sosial, organisasi, serta adat resam dan kepercayaan. Lima kategori identiti budaya yang dikenal pasti menunjukkan bagaimana budaya Melayu diterapkan dalam kehidupan seharian watak-watak, dari interaksi sosial hingga amalan tradisi dan kepercayaan agama. Siri ini bukan sahaja menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu secara visual dan naratif, tetapi juga menjadi medium pendidikan budaya kepada penonton, khususnya generasi muda.

Selain itu, kajian ini menekankan bahawa penterjemahan budaya Melayu ke dalam bahasa lain, seperti Bahasa Arab, menghadapi pelbagai cabaran. Masalah padanan budaya, linguistik dan dialek, sensitiviti budaya dan agama, serta terjemahan nama khas dan istilah tempatan adalah antara halangan utama yang memerlukan strategi terjemahan yang tepat. Penggunaan strategi terjemahan seperti yang dicadangkan oleh Newmark dapat membantu mengekalkan makna, konteks, dan nilai budaya, sekaligus memastikan mesej asal dapat difahami oleh penonton bahasa sasaran.

Implikasi kajian ini amat signifikan bagi penterjemah, terutamanya penterjemah amatur, kerana ia memberikan panduan praktikal untuk menterjemah identiti budaya secara tepat dan berkesan. Dengan memahami elemen budaya serta cabaran yang dihadapi, penterjemah dapat mengekalkan keaslian warisan budaya Melayu sambil memudahkan pemahaman oleh penonton antarabangsa. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada perkembangan bidang terjemahan budaya dan memperluas pemahaman mengenai kepelbagaian budaya Melayu dalam konteks animasi.

Kesimpulannya, penterjemahan identiti budaya bukan sahaja sekadar proses menukar kata-kata, tetapi juga usaha mengekalkan nilai, tradisi, dan identiti masyarakat. Siri *Upin & Ipin* membuktikan bahawa animasi tempatan boleh menjadi medium efektif untuk mengekalkan dan memperkenalkan budaya Melayu kepada khalayak yang lebih luas, sekaligus membuka peluang bagi kajian terjemahan budaya yang lebih mendalam pada masa hadapan.

Rujukan

1. Abdul Latif Borhan. 2021. Penterjemahan budaya dalam media: Satu analisis terhadap istilah budaya Melayu. *Jurnal Terjemahan dan Interpretasi*, 13(1), 23–38.
2. Abdul Wahid Hashim. 2017. *Asas Terjemahan Arab–Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
3. Abdullah Hassan. 2009. *Linguistik Am untuk Guru Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: PTS.
4. Asmah Haji Omar. 2015. *Nadi Bahasa Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Azman Che Mat. 2019. Cabaran terjemahan istilah budaya Melayu ke bahasa Arab. *Jurnal Bahasa dan Budaya Arab*, 5(1), 21–34.
6. Baker, M. 2018. *In Other Words: A Coursebook on Translation*. London: Routledge.
7. Basnett, S. 2014. *Translation Studies* (4th ed.). London: Routledge.
8. Catford, J. C. 1965. *A Linguistic Theory of Translation*. London: Oxford University Press.
9. Díaz-Cintas, J., & Remael, A. 2021. *Subtitling: Concepts and Practice*. London: Routledge.
10. Fajar Nur Indriyany. 2018. Strategi penterjemahan kata berkonsep budaya menggunakan teori Newmark. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Bahasa dan Terjemahan* (hlm. 150–160). Jakarta: Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan.
11. Gottlieb, H. 2009. Subtitles and international communication. *Journal of Specialised Translation*, 12, 59–70.
12. Hashim Awang. 2007. Aspek budaya dalam bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 7(2), 45–60.
13. House, J. 2015. *Translation Quality Assessment*. London: Routledge.
14. Kamarul Shukri Mat Teh, & Mohd Fauzi Juminan. 2021. Strategi penterjemahan Melayu–Arab dalam teks media. *Jurnal Linguistik Arab*, 7(2), 66–82.
15. Les' Copaque Production. 2007–2024. *Upin & Ipin* (Siri animasi). Selangor: Les' Copaque.
16. Mahmoud, A. 2015. Cultural problems in Arabic–Malay translation. *Journal of Language and Culture*, 6(4), 118–127.
17. Mohd Faris Zulkifli. 2020. *Penterjemahan istilah budaya Melayu dalam animasi tempatan: Analisis berdasarkan teori Newmark* (Tesis Sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia.
18. Newmark, P. 1988. *A Textbook of Translation*. London: Prentice Hall.
19. Nida, E., & Taber, C. 1982. *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: Brill.
20. Norazimah Zakaria. 2016. Identiti budaya Melayu dalam media kanak-kanak. *Jurnal Pengajian Melayu*, 27(1), 112–129.
21. Nord, C. 2005. *Text Analysis in Translation*. Amsterdam: Rodopi.

22. Nurul Asmira Mohammad Yusuff, & Suhaila Zailani. 2022. Penterjemahan identiti budaya material masyarakat Melayu dalam *Komik Budak Kampung* ke bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*, 5(1), 101–116.
23. O’Connell, E. 2007. Screen translation. Dalam *The Routledge Companion to Translation Studies* (hlm. 120–134). London: Routledge.
24. Rahimah Abdul Aziz. 2018. *Budaya Melayu dan Warisannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
25. Rahimah Embong, & Nur Farhana Mohd Zulkifli. 2019. Translation of Malay cultural terms: Issues and strategies. *Jurnal Linguistik*, 23(2), 45–59.
26. Sarinah Sharif, & Saliza Ismail. 2020. Translation of cultural elements in Malaysian animated texts: An application of Newmark’s cultural categories. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*, 4(2), 67–80.
27. Shakira Abdul Rashid. 2021. *Strategi penterjemahan unsur budaya dalam teks Melayu ke bahasa Arab* (Tesis Sarjana). Universiti Malaya.
28. Siti Hajar Abdul Aziz, & Fariza Md. Sham. 2020. Nilai budaya Melayu dalam komunikasi harian. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(2), 99–120.
29. Sulong, H., & Rahim, N. A. 2014. Representasi budaya Melayu dalam siri animasi *Upin dan Ipin*. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 30(1), 13–28.
30. TranslationDirectory.com. 2010. *Cultural translation and meaning*. <https://www.translationdirectory.com/articles/article1507.php>
31. Translation Journal. 2017. Translation procedures, strategies and methods. *Translation Journal*, 21(2). <https://translationjournal.net/journal/41culture.htm>
32. Translation Journal. 2018. Cultural problems in translation. *Translation Journal*, 22(3). <https://translationjournal.net/July-2018/cultural-problems-in-translation.html>
33. Venuti, L. 2017. *The Translator’s Invisibility*. London: Routledge.
34. Zainuddin, N., & Mohd Salleh, N. 2019. Pengaruh nilai kekeluargaan dalam siri *Upin & Ipin*. *Jurnal Seni dan Budaya*, 12(3), 55–70.